

FPSK anjur Program Teambuilding di Melangkap Kota Belud

Terakhir dikemaskini: Isnin, 04 Februari 2019 15:20 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 555

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN, 04 FEBRUARI - Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), menganjurkan Program Pembinaan Pasukan (*Teambuilding*) di Melangkap Nabalu Farm, Kota Belud, baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar FPSK, Hasmi Hashim berkata, program itu antara lain bertujuan untuk memupuk dan memantapkan semangat kerja berpasukan dan mewujudkan hubungan komunikasi yang harmoni dalam kalangan kakitangan.

“Di samping itu, ia bagi memberikan motivasi kepada kakitangan sejajar dengan UMS-KRA keempat iaitu memperkuuh tadbir urus dan sistem penyampaian serta menyahut saranan

nilai utama universiti iaitu meningkatkan darjah kegembiraan,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti telah diadakan, antaranya persembahan kumpulan, *hiking* serta pertandingan swafoto beramai-ramai yang bertemakan kerja berpasukan.

“Turut diadakan ceramah motivasi dan aktiviti dalam kumpulan yang dikendalikan Pegawai Psikologi Kanan UMS selaku penceramah jemputan, Carrie Grace Jaymess,” jelasnya.

Majlis perasmianya disempurnakan Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree.

Prof. Dr. Mohammad Saffree dalam ucapannya menyatakan peri pentingnya kerja berpasukan dalam memacu sesebuah organisasi untuk maju ke hadapan.

“Saya amat berbesar hati dan mengharapkan agar program seumpama ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang,” katanya.

Kira-kira 40 kakitangan pentadbiran FPSK telah menyertai program ini.